

Ta Pau bebas toksin

Didik pengguna bantu pelihara alam menerusi bekas makanan

TA pau bukan nama asing dalam kalangan masyarakat negara ini. Tanpa mengira latar belakang kaum, ia sering disebut sesiapa saja apabila mahu membungkus

makanan untuk dibawa pulang. Seunik namanya, rangkaian bekas makanan dikenali sebagai sebagai BYO (Bring Your

Own) Ta Pau memang menarik. Keluaran Tupperware Brands, ia tidak sekadar bekas makanan yang cantik malah ciptaannya menawarkan pilihan selamat dan mesra alam serta lebih baik daripada peng-

gunaan beg plastik dan bekas styrofoam.

Khusus buat pengguna di Asia, bekas makanan bertingkat Ta Pau dicipta untuk memuatkan mi dan sup atau hidangan nasi kegemaran ramai.

Ia terdiri daripada satu mangkuk Crystalwave yang boleh digunakan dalam ketuhar gelombang mikro, dua pinggan Crystalwave, satu pemegang mi dan satu Grip-n-Go Carrioller.

Menurut Naib Presiden Pasaran Asia Tenggara merangkap Pengarah Urusan Tupperware Brands Asia Tenggara, David Wong, kemunculan Ta Pau seerasi dengan matlamat jenama berkenaan untuk mendidik pengguna membantu memelihara alam sekitar.

"Kami ingin menggalakkan lebih ramai pengguna tempatan untuk mengurangkan pergantungan kepada beg plastik yang digunakan hanya sekali saja dan bekas styrofoam serta beralih kepada bekas yang boleh digunakan semula," katanya.

Diperbuat daripada bahan lasak ketuhar gelombang mikro, Tupperware Ta Pau bebas daripada toksin dan berasaskan bahan bukan toksin dan bukan karsinogenik yang sudah diuji.

Ia dihasilkan daripada bahan yang diluluskan Pentadbiran

Makanan dan Ubat-ubatan (FDA) Amerika Syarikat. Bahan terabit tidak larut resap ke dalam makanan walaupun dalam suhu yang amat tinggi.

Ini bermakna Ta Pau membenarkan makanan dipanaskan semula dan dijamu serta-merta, tanpa diletakkan semula ke dalam mangkuk atau pinggan yang lain. Ia juga mempunyai penutup lohong yang menyalurkan wap ke luar semasa makanan dipanaskan semula.

Alas mangkuk Crystalwave yang berada di bawah sekali, ditebuk untuk mengalakan wap daripada sup ke atas serta mengekalkan mi dalam keadaan panas, lembut dan lembap.

Tupperware Ta Pau yang berharga RM99.90, kini boleh dibeli daripada mana-mana pengedar atau pusat perniagaan Tupperware Brands. Sudu dan garpu bernilai RM12.90 diberikan secara percuma dengan setiap pembelian untuk masa terhad.

Untuk maklumat lanjut, layari www.tupperwarebrands.com.my.

